

01/07/1999

Pesara Jusa juga patut dapat imbuhan istimewa

KUALA LUMPUR, Rabu - Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia meminta kerajaan bertindak adil kepada semua pesara dengan memanjangkan pemberian bayaran istimewa RM600 kepada bekas Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa).

Setiausaha Agung Kehormatannya, Nordin Aphanthy Abu Bakar, berkata walaupun kumpulan terbabit menjawat jawatan tinggi dan menerima gaji lebih banyak ketika berkhidmat, mereka kini hanyalah seorang pesara, sama seperti pesara lain.

Tambahan pula, katanya, kumpulan itu hanya mewakili dua peratus atau 500 orang daripada sejumlah 300,000 pesara di seluruh negara dan membabitkan tambahan RM300,000 jika kerajaan bersetuju memberi imbuhan itu kepada mereka.

"Persatuan akan menghantar surat rayuan berhubung perkara ini kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya mempertimbangkan pemberian imbuhan kepada golongan terbabit," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Pada masa yang sama, beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir dan kerajaan di atas keprihatinan mereka kepada golongan pesara melalui pemberian imbuhan itu.

Perdana Menteri dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam mengumumkan kerajaan akan memberi bayaran istimewa RM600 kepada penerima pencen secara berperingkat selama enam bulan, mulai Julai ini.

Langkah itu bagaimanapun tidak membabitkan mereka yang berjawatan terakhir dalam Jusa atau setaraf dengannya.

Sebelum ini, Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, mengumumkan lebih 800,000 kakitangan awam di seluruh negara akan menerima pembayaran khas sebanyak RM600 yang akan dibayar dalam tempoh enam bulan, mulai bulan depan.

Imbuhan khas itu juga akan dinikmati kumpulan yang sudah bersara, kecuali kakitangan Jusa.

Nordin berkata, pemberian imbuhan itu dapat mengurangkan beban pesara dalam menangani masalah kewangan, khususnya ketika kegawatan ekonomi dan keadaan inflasi lebih-lebih lagi 70 peratus pesara adalah di bawah tahap kemiskinan dengan pendapatan kurang daripada RM500 sebulan.

"Pesara adalah kumpulan yang mengasaskan kemakmuran negara seperti dinikmati hari ini. Oleh itu, jika kakitangan kerajaan boleh menerima imbuhan, mengapa tidak pesara?"

"Sehubungan itu, kita amat berterima kasih dengan kerajaan kerana peka dengan keadaan ini," katanya.

(END)